

PERIBAHASA (ITEM BERAYAT)**Latihan 4**

ARAHAN: Pilih peribahasa atau makna yang paling sesuai bagi frasa yang bergaris bawah di dalam setiap item di bawah ini. Tuliskan nombor jawapan kamu di dalam tanda kurung () yang disediakan.

- 1 Wak Karjo yang sudah berusia tujuh puluhan tahun itu masih tajam ingatannya.
 (1) pandai menceritakan kisah-kisah lama
 (2) asyik menimbulkan kisah-kisah lama
 (3) sentiasa ingat apa yang berlaku lama dahulu
 (4) suka mengenangkan kembali kisah-kisah lama ()

- 2 Kakak saya yang cekal itu hendak melanjutkan pelajarannya di London.
 (1) kata putus (2) perah otak
 (3) perah tenaga (4) tahan hati ()

- 3 Salbiah bersikap diam-diam ubi sentiasa membantu ibunya membuat segala kerja-kerja rumah dengan sempurna tanpa disuruh.
 (1) pendiam dan seorang pemalu
 (2) pendiam dan bersopan santun
 (3) pendiam tetapi banyak pengetahuan
 (4) pendiam tetapi sangat aktif di dalam darjah ()

- 4 Penduduk kampung yang menggali lubang di kawasan tandus itu untuk dijadikan telaga hanya melakukan perbuatan yang sia-sia sahaja.
 (1) air dicencang tiada putus
 (2) seperti pahat dengan penukul
 (3) bagai menghitung bulu kambing
 (4) sehari selembat benang, lama-lama jadi kain ()

- 5 Ardi yang tabah itu berjaya kerana telah berusaha dengan bersungguh-sungguh walaupun menghadapi pelbagai halangan.
 (1) perah tenaga (2) tahan hati
 (3) tangan terbuka (4) tulang belakang ()

- 6 Encik Hussein dan isterinya saling bekerjasama untuk mengasuh anak tunggal mereka.
- (1) seperti isi dengan kuku
(2) seperti aur dengan tebing
(3) seperti kertas dengan dakwat
(4) seperti pahat dengan penukul ()
- 7 Inspektor Adnan perah otak bagaimana dia dan pasukannya dapat menawan kumpulan perompak yang berada di dalam bank itu.
- (1) berfikir (2) berlumba
(3) berebut (4) bersabar ()
- 8 Puan Mariam menyesal menggajikan pembantu rumah yang bersikap seperti pahat dengan penukul itu.
- (1) membuat kerja yang berat
(2) suka membuat kerja ringan sahaja
(3) tidak suka diperintah semasa bekerja
(4) bekerja hanya apabila diperintah sahaja ()
- 9 Pengetua sekolah kami telah memberi amaran keras kepada Samad dan Kumar yang berkelakuan seperti anjing dengan kucing.
- (1) tentu curiga apabila bertemu
(2) sangat gembira apabila bertemu
(3) kerap bergaduh apabila bertemu
(4) berasa cemburu apabila bertemu ()
- 10 Kita tidak perlu masuk campur semasa dua beradik itu bertengkar kerana dua orang bersaudara itu tidak akan dapat dipisahkan oleh perselisihan.
- (1) seperti kacang lupakan kulit
(2) air dicancang tidak akan putus
(3) bagai menghitung bulu kambing
(4) seperti katak di bawah tempurung ()